

22/02/1998

Lelaki cetuskan kekecohan dipenjara sehari

MELAKA: Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM200 ke atas seorang lelaki yang dituduh menyebabkan kekecohan ketika mesyuarat Umno cawangan Permatang Pasir, Ahad lalu.

Majistret Rohaida Nordin menjatuhkan hukuman itu selepas Mohamad Yusof, 33, dari Kampung Permatang Pasir mengaku salah melakukan 'gaduh gempur' dalam bilik bacaan kampung itu sehingga mencetuskan kekecohan ketika mesyuarat diadakan, kira-kira 4.45 petang.

Bagaimanapun, seorang lagi, Rahman Abdullah, 29, dari Km 6, Kampung Permatang Pasir yang menghadapi tuduhan yang sama, tidak mengaku salah dan memohon dibicarakan.

Kedua-duanya didakwa mengikut Seksyen 160 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman didenda RM200 atau dipenjara tidak melebihi sebulan.

Rohaida yang menyifatkan kesalahan itu sebagai serius, berkata tertuduh sepatutnya menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan segala perasaan tidak puas hatinya.

"Mahkamah berpendapat kesalahan ini tidak memadai dengan denda dan hukuman yang ditetapkan.

"Namun, mahkamah hanya boleh mengenakan hukuman berdasarkan seksyen yang sudah diperuntukkan," katanya.

Rohaida turut menetapkan 19 Mac ini bagi membicarakan kes Rahman dan mengarahkan tertuduh diikat jamin RM1,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan itu.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa, Cif Inspektor Kamarulzaman Jaafar, memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal ke atas Mohamad supaya menjadi pengajaran kepada pihak lain.

"Kekecohan ini tidak sepatutnya berlaku, lebih-lebih lagi di tempat awam dan saya berharap hukuman yang dikenakan akan memberi pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat," katanya.

Mengulas keputusan itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ahli Umno yang merusuh dalam mesyuarat wajar menerima apa saja hukuman apabila undang-undang dikuatkuasakan.

Katanya, ahli Umno tidak seharusnya merusuh, sebaliknya merujuk Jawatankuasa Pengurusan dan Majlis Tertinggi (MT) parti apabila tidak bersetuju dengan sesuatu perkara.

"MT akan memutuskan dan apa juga keputusan, kita mesti terima. Kalau tidak, tidak adalah peraturan.

"Kalau kita merusuh, pecah itu dan ini, kita kena terimalah undang-undang yang dikuatkuasakan," katanya selepas menghadiri jamuan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina Jabatan Perdana Menteri di Kelab Bukit Perdana, Kuala Lumpur.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

(END)